



KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM

## TEKS UCAPAN

**NIK NAZMI NIK AHMAD  
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

## SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN  
*THE INTERNATIONAL CONFERENCE ON GREEN SUSTAINABLE  
DEVELOPMENT (IGREENDEV) 2024***

**26 JUN 2024 (RABU)**

**ANJUNG SRI BUDIMAN,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM**

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan  
Salam Malaysia Madani

### **[SALUTASI]**

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

### **PENGENALAN**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia-Nya kita semua dapat berkumpul di majlis perasmian penutupan the International Conference on Green Sustainable Development (IGREENDEV) dan peluncuran Islamic Sustainable Development Goals (ISDG) Centre serta buku Pemerkasaan Komuniti Hijau Lestari pada hari ini.
2. Saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Shah Alam dan NextGreen Global Berhad (NGGB) atas pengajuran seminar ini. Saya yakin dan percaya gabungan antara dua entiti ini mampu memberi impak yang besar dalam memberi kesedaran awam dalam usaha melestarikan alam ini.

3. Penganjuran IGREENDEV 2024 merupakan suatu usaha bagi melaksanakan Dasar Alam Sekitar Negara yang mempunyai lapan (8) prinsip dan tujuh (7) strategi hijau. Strategi Hijau pertama memfokuskan aspek pendidikan dan kesedaran yang memberi kefahaman tentang konsep kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari, selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).
4. Agenda melestarikan alam sekitar bukan hanya tugas Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam sahaja. Bahkan, ia merupakan tanggungjawab kita bersama tanpa mengira latar belakang. Kerjasama erat antara semua pihak akan menjamin alam sekitar yang lebih bersih, sihat dan selamat.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Di Malaysia, pengurusan dan pemuliharaan alam sekitar dilaksanakan dalam konteks pembangunan lestari yang bertunggakkan pembangunan ekonomi, pembangunan sosial dan perlindungan alam sekitar. Pembangunan lestari tidak akan tercapai sekiranya satu daripada tunggak ini dikompromi. Oleh yang demikian, Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) telah diwujudkan untuk mengambil kira penggabungan ketiga-tiga tunggak ini.

6. Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi, sudah pasti pendidikan alam sekitar merupakan wadah yang utama dalam penyampaian ilmu berkaitan alam sekitar kepada mahasiswa dengan harapan dapat membentuk sikap manusia supaya lebih cakna terhadap alam sekitar. Ia sesuai dengan matlamat pendidikan alam sekitar iaitu untuk membentuk masyarakat yang lebih peka dan prihatin terhadap isu-isu alam sekitar. Pembentukan sikap prihatin terhadap alam sekitar diharapkan dapat melahirkan tingkah laku yang positif untuk diaplikasikan semasa berinteraksi dengan alam.
  
7. Beberapa program dan inisiatif juga dijalankan oleh Kerajaan ke arah pembangunan yang lestari dan mesra alam. Salah satu inisiatif tersebut adalah Dasar Perolehan Hijau Kerajaan (Government Green Procurement - GGP) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2012. Inisiatif ini bertujuan untuk menggalakkan pengeluaran dan penggunaan produk dan perkhidmatan hijau oleh Kementerian, Jabatan dan Agensi Persekutuan. Kerajaan juga telah menetapkan sasaran dalam Kajian Separuh Penggal RMK-12 untuk memastikan 30% daripada perolehan produk dan perkhidmatan terpilih adalah perolehan hijau pada tahun 2025.

8. Rentetan daripada pelaksanaan GGP, Kementerian ini menerusi Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) telah memperkenalkan pengiktirafan MyHIJAU Mark dan MyHIJAU Directory bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan hijau di pasaran tempatan. Sehingga hari ini, sebanyak 828 syarikat, 15,138 produk hijau dan 1,094 perkhidmatan hijau telah disenaraikan dalam MyHIJAU Directory. Pada kesempatan ini, saya ingin mengalu-alukan penglibatan universiti khususnya UiTM dalam pelaksanaan GGP dan inovasi produk-produk hijau terkini bagi mewujudkan lebih banyak pilihan dalam pasaran tempatan.
  
9. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada UiTM atas penglibatan yang aktif dalam program Low Carbon Cities 2030 Challenge (LCC2030C) yang dianjurkan oleh NRES. Pada pandangan saya, UiTM boleh bergerak lebih jauh dari itu terutamanya dengan kewujudan UiTM Green Centre. Melalui pusat ini yang berperanan sebagai pusat khas yang menggalakkan inisiatif hijau dalam sistem UiTM dan sebanyak 34 kampus-kampus di seluruh negara, UiTM boleh menjadi Kampus Rendah Karbon yang terbesar di rantau ASEAN ini. Bayangkan jumlah pelepasan karbon yang boleh dikurangkan dan diserap oleh kampus rendah karbon ini dan impak kepada kelestarian alam dan mitigasi perubahan iklim yang selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk mencapai status negara dengan pelepasan gas rumah kaca (GHG) sifar bersih pada tahun 2050.

10. Untuk makluman semua, pihak Kementerian akan menganjurkan program International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia 2024 (IGEM 2024) pada 9 hingga 11 Oktober 2024 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Program IGEM edisi ke-15 ini mengetengahkan tema Race Towards Net Zero: Regional Leadership for Climate Urgency dengan lima (5) bidang fokus iaitu pemerkasaan bandar, mobiliti elektrik, penyahkarbonan tenaga, menggiatkan ekonomi kitaran dan perlindungan biodiversiti. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mempelawa UiTM untuk menganjurkan persidangan sewaktu IGEM berlangsung selama tiga hari tersebut.
11. Hari ini saya juga berbesar hati untuk melancarkan Islamic Sustainable Development Goals (ISDG) Centre. Adalah menjadi harapan saya agar Pusat SDG Islam (ISDG Centre) di UiTM ini menjadi Pusat Kecemerlangan yang berdedikasi untuk memajukan dan menyepadukan prinsip Islam dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).
12. Ditubuhkan sebagai pusat kecemerlangan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dengan misi menyatupadukan nilai-nilai Islam dan usaha kelestarian global, saya difahamkan bahawa Pusat ISDG menyasarkan untuk berada di barisan hadapan dalam penyelidikan, pendidikan, dan pelaksanaan praktikal pembangunan lestari selaras dengan nilai-nilai Islam.

## PENUTUP

Para hadirin yang dihormati sekalian,

13. Adalah menjadi harapan saya juga agar penganjuran IGREENDEV 2024 ini dapat memberi impak yang positif dalam melestarikan alam sekitar. Saya yakin dan percaya bahawa gabungan antara ahli akademik dan agamawan (ACIS-NGGB) mampu menghasilkan gerak kerja yang dinamik ke arah memberi kesedaran awam dalam pemuliharaan alam sekitar. Sekalung penghargaan dan ucapan tahniah sekali lagi atas penganjuran seminar yang amat bermakna pada hari ini.
14. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya meluncurkan Islamic Sustainable Development Goals (ISDG) Centre serta buku Pemerkasaan Komuniti Hijau Lestari pada hari ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.